



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**KAJIAN PENGLIBATAN KAUM WANITA DALAM AKTIVITI KEUSAHAWANAN DI
KOMPLEKS PERNIAGAAN PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH.**

MUHAMMAD ZAIHAN IKRAM BIN MANSOR

(31462)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keujian
(Pengurusan Seni)
2014

**KAJIAN PENGLIBATAN KAUM WANITA DALAM AKTIVITI KEUSAHAWANAN
DI KOMPLEKS PERNIAGAAN PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH.**

MUHAMMAD ZAIHAN IKRAM BIN MANSOR

(31462)

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student’s Declaration:

I **MUHAMMAD ZAIHAN IKRAM B MANSOR, 31462, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE**

(PLEASE INDICATE STUDENT’S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled **Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah.**

is my original work. I have not copied from any other students’ work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

**Muhammad Zaihan Ikram B
Mansor (31462)**

_____ Date submitted

_____ Name of the student (Matric No.)

Supervisor’s Declaration:

I **Dr. Qistina Donna Lee Abdullah** (SUPERVISOR’S NAME) hereby certifies that the work entitled **Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah.**

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the “FACULTY” as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS** ~~-(ARTS MANAGEMENT)~~ (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student’s work.

Received for examination by: **Dr. Qistina Donna Lee Abdullah** Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

No 2 Batu 4 ½ Lorong Masjid Hutan Kampong, O5350, Alor Setar, Kedah.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “Penglipatan Kaum Wanita Dlam Aktiviti Keusahawanan Di Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Alor Setar,Kedah” telah disediakan oleh MUHAMMAD ZAIHAN IKRAM BIN MANSOR dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **(PENGURUSAN SENI)**

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

Tarikh:.....

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

.....
(MUHAMMAD ZAIHAN IKRAM BIN MANSOR)

31462

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya Projek Tahun Akhir ini telah berjaya disiapkan dengan sepenuhnya.

Sejutaan penghargaan ditujukan kepada Dr Qistina Donna Lee Abdullah selaku penyelia dan Cik Karen Audrey Samy selaku penyelarass Projek Tahun Akhir. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah program Pengurusan Seni yang telah banyak memberikan pendapat serta komen yang berguna kepada pengkaji sepanjang Projek Tahun Akhir ini dilakukan. Jutaan terima kasih juga di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang kajian ini dilakukan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak perniagaan wanita di Kompleks Perniagaan Pekan Rabu, Alor Setar yang telah membantu pengkaji dalam mendapatkan data kajian. Tidak lupa juga kepada mereka yang banyak membantu pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga kepada ibu dan bapa, Mansor Bin Mat Saman dan Sharifah Binti Haji Ismail serta keluarga tercinta yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada sahabat pengkaji iaitu Nurul Nabila Binti Baharom serta adik pengkaji Muhammad Zafran Bin Abdul Hamid yang membantu pengkaji untuk mendapat maklumat serta memberi nasihat kepada pengkaji sehingga menyiapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga tujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai faktor-faktor kritikal kejayaan dan kegagalan pengendalian perniagaan di Kompleks Perniagaan Pekan Rabu di Alor Setar, Kedah. Cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan wanita dalam kajian ini ialah kurang mendapatkan latihan keusahawanan dalam perniagaan. Fokus kajian ini adalah mengkaji faktor yang mempengaruhi wanita dalam bidang keusahawanan. Bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat, kaedah kuantitatif telah digunakan. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages For Sosial Science (SPSS) 20.0* untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Oleh itu, kajian mendapati bahawa sikap dan kurang berkemahiran merupakan faktor utama kegagalan dan kejayaan usahawan wanita dalam mengendalikan perniagaan.

ABSTRACT

This study is on the critical factors of success and failure of doing business at Complex Pekan Rabu in Alor Setar, Kedah. The main challenges faced by women entrepreneurs in this study are the lack of training in business entrepreneurship. The focus of this study is to review the factors that affect women in entrepreneurship. To obtain accurate results of the study, quantitative methods were used. Data were analysed using the program Statistical Packages For Social Science (SPSS) 20.0 to get frequency, percentage and mean. Therefore, the study found that attitude and lacked of skills are the key factors of failure and success of women entrepreneurs in conducting business.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Halaman Tajuk	i
	Pengakuan	ii
	Penghargaan	vi
	Abstrak	vii
	Isi Kandungan	ix
	Senarai Jadual	xiii
	Senarai Rajah	xiv
	Senarai Simbol	xvii
BAB 1	Pengenalan:	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis	8
	1.7 Skop Kajian	8
	1.8 Kepentingan Kajian	8
	1.9 Kerangka Kajian	8
	1.10 Batasan Kajian	9
	1.11 Definisi Terma	11
	1.11.1 Usahawan	11
	1.11.2 Usahawan Wanita	13
	1.11.3 Keusahawanan	13

1.11.4 Faktor Dalaman	14
1.11.5 Faktor Luaran	14
1.11.6 Kemahiran	14
1.11.7 Strategi Perniagaan	14
1.11.8 Penggunaan IT	14
1.11.9 Pengurusan Perniagaan	15
1.11.10 Persekitaran	15
1.11.11 Sikap	15
1.12 Rumusan	15

BAB 2 KAJIAN SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	16
2.2 Jenis Usahawan	17
2.3 Model Asas Proses Keusahawanan	19
2.4 Profil Peribadi	20
2.5 Profil Perusahaan dan Perniagaan	22
2.6 Faktor Penglibatan Dalam Aktiviti Keusahawanan	23
2.7Faktor Kejayaan	25
2.8 Faktor Kegagalan Perniagaan	26
2.9 Masalah Yang Dihadapi	27
2.10 Kajian Berkaitan Wanita	28
2.11 Rumusan	32

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	33
	3.2 Reka Bentuk Kajian	33
	3.2.1 Model Kajian	34
	3.2.2 Carta Aliran Kajian	35
	3.3 Kaedah Persampelan	36
	3.4 Kaedah Pengumpulan Data	36
	3.4.1 Data Primer	36
	3.4.2 Maklumat Sekunder	37
	3.5 Instrumen Kajian	37
	3.6 Kaedah Penganalisan Data	40
	3.7 Ujian Kebolehpercayaan	41
	3.8 Rumusan	42
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	43
	4.2 Analisis Deskriptif	43
	4.2.1 Maklumat Demografi	44
	4.2.2 Maklumat Perniagaan dan Perusahaan	52
	4.2.3 Penglibatan Usahawan Wanita Dalam Bidang Perniagaan	64
	4.2.4 Kejayaan Usahawan Wanita Dalam Bidang Perniagaan	65
	4.2.5 Kegagalan Usahawan Wanita Dalam Bidang Perniagaan	66
	4.2.6 Masalah-masalah Yang Dihadapi	98
	4.2.7 Bahagian hubungkait (Crosstabulation)	101

	4.3 Rumusan	106
BAB 5	RUMUSAN KAJIAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	107
	5.2 Rumusan Kajian	107
	5.3 Perbincangan	109
	5.4 Perbincangan Isu-isu Berkaitan	114
	5.5 Cadangan	115
	5.6 Rumusan/Kesimpulan	119
	RUJUKAN	121
	LAMPIRAN	125

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Faktor- faktor kegagalan	33
Jadual 3.1	Pembahagian Soal Selidik	46
Jadual 3.2	Skala Likert	49
Jadual 4.1	Min bagi faktor penglibatan usahawan wanita	73
Jadual 4.2	Dimensi yang paling mempengaruhi penglibatan	74
Jadual 4.3	Elemen yang paling mempengaruhi kejayaan	74
Jadual 4.4	Min bagi faktor kegagalan	75
Jadual 4.5	Elemen yang paling mempengaruhi kegagalan	77
Jadual 4.6	Masalah-masalah yang dihadapi semasa memulakan perniagaan	107
Jadual 4.7	Masalah-masalah yang dihadapi semasa mengendalikan perniagaan	109

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Model integratif keusahawanan input dan keluaran	10
Rajah 2.1	Model asas proses keusahawanan	24
Rajah 3.1	Model kajian	42
Rajah 3.2	Carta aliran kajian	43
Rajah 4.1	Taburan peratusan responden mengikut umur	53
Rajah 4.2	Taburan peratusan responden mengikut kelulusan akademik	54
Rajah 4.3	Taburan peratusan responden mengikut latar belakang ahli keluarga yang menjadi usahawan	55
Rajah 4.4	Taburan peratusan responden mengikut bilangan anak	56
Rajah 4.5	Taburan peratusan responden mengikut status perkahwinan	57
Rajah 4.6	Sebab-sebab menceburi diri dalam perniagaan	58
Rajah 4.7	Pekerjaan terakhir sebelum berniaga	59
Rajah 4.8	Penyertaan dalam latihan / kursus tentang keusahawanan	60
Rajah 4.9	Status organisasi	61
Rajah 4.10	Jenis perniagaan/ perusahaan	62
Rajah 4.11	Tempoh menjalankan perniagaan	63
Rajah 4.12	Umur semasa menjalankan perniagaan	64
Rajah 4.13	Pengalaman yang dimiliki dalam bidang perusahaan	65
Rajah 4.14	Tempoh pengalaman dalam perusahaan	66

Rajah 4.15	Bilangan pekerja	67
Rajah 4.16	Modal ketika mula berniaga	68
Rajah 4.17	Sumber modal	69
Rajah 4.18	Pengendalian akaun perniagaan	70
Rajah 4.19	Perkhidmatan nasihat	71
Rajah 4.20	Prestasi perniagaan berbanding tahun lepas	72
Rajah 4.21	Kurang pengetahuan dan pendedahan terhadap aspek keusahawanan	77
Rajah 4.22	Kurang kemahiran membuat keputusan yang berkesan	78
Rajah 4.23	Kurang pengetahuan tentang teknik-teknik penjualan dan pemasaran	79
Rajah 4.24	Tidak mampu menggunakan dan menggabungkan idea-idea dengan kemahiran yang ada pada sesuatu keadaan	80
Rajah 4.25	Kurang mahir dalam mengenal pasti ,menilai dan menyelesaikan masalah	81
Rajah 4.26	Tidak dapat merancang dan menetapkan matlamat perniagaan	82
Rajah 4.27	Lokasi perniagaan yang tidak strategik	83
Rajah 4.28	Terperangkap dalam subsektor yang kurang produktif	84
Rajah 4.29	Tidak memahami kehendak pasaran dan pelanggan dengan baik	85
Rajah 4.30	Tidak mempunyai hubungan baik dengan ahli perniagaan dan golongan profesional	86
Rajah 4.31	Tidak menjalankan hubungan baik dengan pembekal dan pelanggan	87
Rajah 4.32	Tidak mengendalikan amalan-amalan perniagaan dengan baik	88
Rajah 4.33	Kurang mengambil pekerja mahir	89

Rajah 4.34	Tidak berbincang dengan pekerja berkaitan dengan perniagaan	90
Rajah 4.35	Tidak menjaga kebajikan pekerja dengan baik	91
Rajah 4.36	Tidak membuat penilaian terhadap prestasi perniagaan	92
Rajah 4.37	Menghadapi masalah dengan rakan kongsi	93
Rajah 4.38	Tidak mengawal aliran tunai dengan baik	94
Rajah 4.39	Berlaku kecurian dalam perniagaan	95
Rajah 4.40	Tidak mendapat kepercayaan dari pihak lain	96
Rajah 4.41	Aktiviti ekonomi Negara yang perlahan	97
Rajah 4.42	Masalah untuk mendapat pinjaman	98
Rajah 4.43	Tidak mendapat bantuan dari pihak lain	99
Rajah 4.44	Tidak mempunyai jaringan perniagaan sesama usahawan	100
Rajah 4.45	Tidak mempunyai keyakinan diri dalam mengendalikan perniagaan	1001
Rajah 4.46	Tidak mempunyai kesedaran dan motivasi diri	102
Rajah 4.47	Tidak amanah dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, perniagaan dan pelanggan	103
Rajah 4.48	Mempunyai persepsi negatif terhadap cabaran	104
Rajah 4.49	Tidak bertindak terhadap cadangan dan kritikal yang diterima	105
Rajah 4.50	Tiada kesungguhan, azam dan ketekunan dalam menjalan perniagaan	106

SENARAI SIMBOL

ICT	Information Communication And Technology
MITI	Ministry Of International Trade And Industry
MARA	Majlis Amanah Rakyat
IKS	Industri Kecil Dan Sederhana
BPIMB	Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia Berhad
SPSS	Statistical Package For Sosial Science
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke-9
PKMA	Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
MECD	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita ,Keluarga dan Masyarakat
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Di Malaysia , bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang asing bagi masyarakat . Menurut laporan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, aktiviti perniagaan didaftarkan di pejabat pendaftaran perniagaan sepanjang tahun 2001 menunjukkan bahawa daripada sebelas jenis usaha niaga, perniagaan makanan dan minuman mencatatkan statistik pendaftaran tertinggi bagi sepanjang tahun. Selain makanan dan minum, aktiviti perniagaan yang banyak diceburi ialah peruncitan, pembinaan dan tekstil dan pakaian (Malaysia,2001). Bilangan individu yang menyertai bidang keusahawanan juga semakin meningkat. Mengikut laporan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU), sepanjang tempoh tahun 1995 hingga 2000)peringkat dalam bilangan usahawanan berlaku pada kadar 75.79%. Peningkatan ini disebabkan pelbagai faktor dan yang terutamanya ialah kewujudan pelbagai bentuk sokongan dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan melalui KPU. Jenis-jenis usahawan yang telah dibangunkan ialah usahawan tulen, vendor, pemasaran perabot , mentor dan francais.

Beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan wanita yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Menurut Suruhanjaya Syarikat Malaysia , sebanyak 4,971,483 unit yang telah didaftar di seluruh negeri (statistik 2012). Peningkatan ini menunjukkan bahawa wanita di Malaysia jelas mempunyai komitmen untuk memafaatkan peluang-peluang dalam perdagangan dan industri, hasil daripada proses perindustrian dan pembangunan ekonomi. Oleh yang sedemikian ,pihak-pihak yang terbabit seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera (USAHANITA) , Dewan Perniagaan Melayu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan badan-badan organisasi lain telah berusaha untuk membantu golongan wanita dalam melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan wanita bumiputera yang bukan sahaja berjaya di dalam Negara , bahkan di peringkat antarabangsa.

Wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi masyarakat Malaysia dalam abad ini. Sumbangan besar kaum wanita kepada pembangunan Negara sememangnya telah lama diiktiraf. Sebagai isteri, ibu, anak, mereka merupakan tunggak utama dalam membentuk generasi Malaysia yang penyayang dan progresif di masa hadapan. Mengikut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2011, (28,532,246 orang). Golongan wanita sebanyak 13.77 juta daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia terdiri daripada golongan wanita yang merupakan tenaga buruh. Peningkatan dalam penyertaan wanita sebagai tenaga buruh menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti pembangunan Negara semakin menyerlah dan kian positif. Ini dibantu oleh pembangunan Negara yang banyak membuka peluang dan ruang bagi wanita mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelbagai bidang dan aktiviti di samping membuka dan menyahut cabaran yang lebih besar untuk terus berperanan dan berjaya selaras dengan proses perindustrian dan pemodenan Negara menuju abad ke 21 (Moha Asri Abdullah, 1997).

Pada hari ini, nama-nama seperti Tan Sri Dr Zeti Akhtar, Datuk Dr Mazlan Othman, Dato' Dr Mashitah Ibrahim dan lain-lain merupakan nama-nama yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Mereka ini telah mempamerkan kebolehan, keupayaan dan kemampuan dalam bidang masing-masing bagi menunjukkan bahawa kedudukan dan kemampuan wanita pada hari ini telah setanding dengan kaum adam (lelaki). Wanita sudah berupaya meletakkan diri di barisan hadapan sebagai peneraju dalam pelbagai bidang kepakaran seperti perubatan, perniagaan, perundangan, politik dan sebagainya. Menurut Rosli Hassan, industri perkhidmatan kewangan menunjukkan pembabitan wanita dalam sektor tersebut cukup membanggakan (Harian Metro, 2003). Selain itu, penglibatan wanita dalam bidang perniagaan juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Dunia perniagaan bukanlah satu bidang yang asing bagi kaum wanita. Contoh usahawan wanita yang paling tepat ialah Siti Khadijah, yang terlibat dengan perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Siti Khadijah merupakan contoh usahawan wanita terbaik bagi kaum wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan. Dengan sikap, komitmen dan keinginan yang ditunjukkan di kalangan usahawan wanita pada masa kini, adalah tidak mustahil jika pada suatu hari nanti dunia keusahawanan akan diambil alih dan didominasi oleh kaum hawa (wanita). Perlu disedari bahawa kita sedang berada di zaman globalisasi dan kata-kata *tempat wanita hanya diceruk dapur* adalah tidak relevan lagi. Menurut Dato' Seri Dr

Mahathir ketika berucap di Majlis Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002, pencapaian dan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita dalam bidang keusahawanan kini jelas membuktikan kemampuan wanita menghadapi persaingan . Pepatah Melayu yang mengatakan bahawa *tangan yang mengayun buaian itu sebenarnya berupaya menggegarkan dunia* adalah benar. Puan Azizah Tumin, dalam ucapannya sempena Majlis Perasmian Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia(USAHANITA) menegaskan, sekiranya wanita ingin menjadi insan yang berjaya, mereka haruslah menyemai ciri-ciri daya saing , daya maju dan kreatif. Sikap berani dan tidak takut untuk menghadapi risiko kegagalan itu adalah permulaan kepada sesebuah kejayaan.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Keterlibatan kaum wanita dalam bidang keusahawanan di lihat sebagai sesuatu yang positif terhadap perkembangan ekonomi Negara. Seiring kaum lelaki, wanita juga tidak melepaskan peluang untuk sama memeriahkan lagi bidang keusahawanan di Malaysia . Perkembangan pesat ekonomi Negara menggamit lebih ramai wanita untuk melibatkan diri secara aktif dalam dunia keusahawanan. Pada zaman sekarang , di seluruh dunia terdapat ramai usahawan-usahawan wanita telahpun menjadi jutaan yang terkenal. Malah , sebahagian darinya di lihat lebih agresif dari lelaki dari segi fikiran, perasaan dan tindakan (Faridah Mariani Johari,2000). Dalam dunia perniagaan , wanita ternyata mempunyai kelebihan yang tersendiri jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Wanita selalunya lebih bersedia menghadapi ragam pelanggan dan tekun menguruskan perniagaan . Sifat semula jadi seperti berjimat-cermat membolehkan mereka mengawal kos dalam pengendalian perniagaan . Asas yang sedemikian dengan sendirinya menjadi penentu kepada kejayaan dan kemajuan dalam bidang yang diceburi.

Dalam apa jua bidang yang diceburi, tidak semua orang akan berjaya. Begitu juga dengan bidang keusahawanan, ada sesetengah usahawan akan berjaya dan ada juga yang akan menghadapi kegagalan. Walaupun diketahui umum bahawa bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang berisiko tinggi untuk gagal, namun penglibatan wanita terutamanya dalam bidang ini menunjukkan trend yang positif. Terdapat banyak sebab yang mendorong seseorang wanita itu melibatkan diri dalam perniagaan seperti sebagai satu aktiviti ekonomi

atau sumber nafkah hidup (Mahashim, 1985). Kebanyakan wanita yang menceburi bidang perniagaan sebenarnya sudah terlibat dengan kerja-kerja lain, misalnya kerja makan gaji di sektor awam atau swasta. Ada juga ada dikalangan mereka yang pernah bekerja sendiri dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perusahaan kraf tangan, makanan dan lain-lain kerja yang bukan berbentuk perniagaan. Bagi yang bekerja makan gaji, hasil kerja yang diperolehi itu bukan hasil niaga sendiri, tetapi hanya menawarkan khidmat sebagai pekerja kepada pihak lain. Ini menimbulkan rasa tidak bebas, tidak berpuas hati dari segi pendapatan dan terpaksa bekerja di bawah arahan orang lain. Ini membuatkan mereka ingin cuba membuka perniagaan sendiri. Jika mereka tidak lagi makan gaji, tetapi menghasilkan produk sendiri berbekalkan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang mereka ada, mereka boleh terus memasarkan produk mereka tanpa perlu melalui orang tengah yang dianggap mencekik darah.

Ada juga usahawan yang menceburi bidang perniagaan kerana keadaan yang memaksa contohnya tidak mempunyai pekerjaan disebabkan tiada kelulusan atau memiliki kelulusan yang tidak sesuai. Maka atas desakan hidup serta keluarga atau rakan-rakan, maka individu itu mula berniaga sama ada secara kecil-kecilan ataupun secara besar-besaran, bergantung kepada modal yang ada, kemampuan, pengalaman dan sokongan orang-orang di sekelilingnya. Dalam keadaan ekonomi Malaysia yang masih belum pulih sepenuhnya ini, terdapat ramai pekerja yang dibuang kerja dan ramai pemegang ijazah dan diploma yang masih menganggur.

Pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan wanita telah menganjurkan pelbagai program dan latihan untuk mendidik dan melatih masyarakat Malaysia khususnya kaum wanita dalam bidang perniagaan. Program-program dan latihan dibuat khusus untuk kaum wanita kerana mereka ini di lihat mempunyai potensi yang besar untuk cemerlang dalam bidang perniagaan. Menurut Noor Aishah Buang (2002) dianggarkan hanya 15% daripada keseluruhan wanita dalam lingkungan umur bekerja di Malaysia terlibat dalam perniagaan. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh penetapan minda bahawa mereka tidak boleh cemerlang dalam perniagaan.

Menjadi usahawan berjaya adalah impian setiap individu yang menjalankan perniagaan. Namun begitu, berbagai cabaran harus di tempuhi sebelum mengecapi kejayaan yang diimpikan. Walaupun fakta menunjukkan setiap hari bilangan keusahawanan semakin meningkat di Malaysia, namun tidak kurang juga yang menghadapi kegagalan. Setiap

individu akan menghadapi cabaran yang berbeza-beza, bergantung kepada jenis perniagaan, jenis usahawan, saiz perniagaan, tempat, masa dan lain-lain lagi. Namun begitu, secara umumnya cabaran yang harus dilalui oleh seseorang usahawan boleh dibahagikan kepada diri, keluarga dan alam sekitar .

Kejayaan dan kegagalan merupakan satu lumrah bagi individu yang bergelar perniagaan. Kebanyakan kajian dan temu bual yang dijalankan ke atas individu yang telah berjaya dan cemerlang dalam perniagaan menunjukkan mereka ini pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan sekurang-kurangnya sekali, sebelum mereka bangkit kembali untuk memulakan semula perniagaan mereka. Menurut Osborne (1995) ramai usahawan gagal dan 90% perniagaan yang dimulakan di USA telah ditutup dalam jangka masa 10 tahun.

Dewanita (Dewan Usahawan Wanita) telah mengenal pasti beberapa faktor yang membawa kepada kegagalan seseorang wanita dalam mengendalikan perniagaan. Antara faktor-faktor kegagalan tersebut ialah kurangnya latihan dan pendedahan tentang aspek keusahawanan, kategori perniagaan termasuk dalam kategori sektor tidak formal, peluang untuk mendapatkan pinjaman adalah terhad, wujudnya konflik kerjaya dan keluarga, persekitaran yang tidak adil di mana kemampuan usahawan wanita diragui, jaringan perniagaan yang lemah dan banyak lagi.

Selain itu, Antara faktor lain yang membawa kepada kegagalan seseorang usahawan ialah sikap. Berbagai-bagai perkara boleh dikelaskan sebagai sikap seseorang seperti disiplin kerja, etika dan juga rasa tanggungjawab. Oleh sebab usahawan bekerja sendiri, sesetengah orang tidak dapat mendisiplinkan diri sendiri. Bekerja sesuka hati tidak menepati masa untuk sesuatu temu janji, tidak memenuhi janji, tidak bayar hutang adalah Antara sikap negative usahawan yang tidak berdisiplin, tidak beretika dan tidak bertanggungjawab.

Menurut Pelan Tindakan Pembangunan Wanita pada tahun 2003, golongan wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan sama ada di Bandar atau luar Bandar sering menghadapi masalah seperti berikut:

- I. A) Kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan